

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HGM 231 Geografi Manusia

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH [7] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. Dengan merujuk kepada contoh-contoh penyelidikan di dalam Geografi Manusia terangkan dua (2) daripada yang berikut:
  - (a) pendekatan positivistik. (12.5 markah)
  - (b) pendekatan perilaku. (12.5 markah)
  - (c) pendekatan radikal. (12.5 markah)
2. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan sistem di dalam Geografi Manusia? (10 markah)  
  
(b) Dengan merujuk kepada satu (1) contoh tertentu terangkan bagaimana keperluan manusia mewujudkan konflik dengan alam sekitar fizikal. (15 markah)
3. Merujuk kepada satu (1) contoh teknologi baru, terangkan bagaimana konteks sosio-budaya dan demografi akan menentukan pola ruangan pembauran teknologi ini. (25 markah)

4. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai terangkan satu (1) daripada yang berikut:
- (a) teori permainan (game theory) dan kelemahannya untuk memahami perilaku ekonomi.  
(25 markah)
  - (b) mekanisma pengganda (multiplier mechanism) dan penempatan kegiatan perindustrian.  
(25 markah)
5. (a) Adakah "permodenan" sama dengan "pembangunan ekonomi" ?  
(15 markah)
- (b) Terangkan sama ada model ekonomi ekopolitik atau ekonomi barangan asas. Berikan contoh-contoh yang sesuai.  
(10 markah)
6. Ahli-ahli geografi mempunyai peranan yang besar dalam pelbagai aspek pembangunan ekonomi. Huraikan sumbangan ahli-ahli geografi ke arah mencapai pembangunan ekonomi yang lebih terancang.  
(25 markah)
7. Dengan mengambil contoh negara Malaysia, analisis aspek-aspek yang diambilkira dalam rancangan pembangunan sosial sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan.  
(25 markah)

-oooO00ooo-